

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	MALAYSIAKINI
Date	13 JULY 2016

Bagi bekas Naib Presiden Umno Datuk Seri , Khairuddin berkata, beliau juga telah dijemput untuk menghadiri mesyuarat esok. Bagaimanapun, katanya, adalah lebih baik bagi pemimpin Sabah itu mengikuti jalan yang berbeza.

"Pendapat peribadi saya adalah bahawa Shafie juga perlu menubuhkan parti baru yang akan bekerjasama dengan semua parti tempatan Sabah termasuk PKR dan DAP di sana. Ini akan memberi mereka peluang yang lebih baik untuk merampas Sabah."

#### **Apa matlamat perjuangan mereka?**

Buat masa ini, perjuangan parti baru itu mirip perjuangan gerakan Selamatkan Malaysia, iaitu untuk menggulingkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, menangani rasuah, dan melaksanakan pembaharuan institusi.

Anina berkata entiti yang baru perlu menjadi parti yang berjuang untuk rakyat.

Ia juga tidak seharusnya mengulangi kesilapan Umno, terutama dalam hal nepotisme.

"Tidak ada kedudukan yang seharusnya diwarisi, sama ada anak-anak presiden, sepupu, adik-beradik atau kawan-kawan melainkan jika mereka benar-benar layak dan cukup berwibawa untuk membawa perubahan politik.

"Parti perlu melangkah keluar dari falsafah feodal."

Mesyuarat untuk membincangkan pembentukan parti itu dijadual diadakan di Yayasan Kepimpinan Perdana, di Putrajaya pada jam 3 petang esok (14 Julai 2016)

Sumber: [www.malaysiakini.com](http://www.malaysiakini.com)